

Ijazah tidak halang *Rizmaliza* berdikari

UM 18/11/06

BERBEKALKAN minda yang matang, mendorong Rizmaliza Papon, 28, memulakan perniagaan kecil-kecilan.

Sekarang, gadis ini sedang membesarkan perniagaannya yang berpusat di kedai jahit Luvfiaris Creations, di A20 Nilai Square, Taman Semarak, Nilai, Negeri Sembilan.

Sebelum membuka premis tersebut, dia bermula dari bawah dengan mengambil upah menjahit pakaian di rumah.

Walaupun memiliki kelulusan akademik yang tinggi iaitu Sarjana Muda Seni Reka Fesyen di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor, namun dia tidak kekok dengan kerjanya sekarang.

Beliau berbuat demikian kerana sentiasa percaya dengan satu

perumpamaan Melayu iaitu 'sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit'.

Antara produk yang diusahakan di kedai tersebut ialah menjahit pelbagai pakaian tradisional, moden, sulaman, busana perkahwinan, langsir dan pakaian seragam.

"Saya bermula dari bawah. Sekarang sedang mengumpulkan pengalaman dan modal untuk membesarkan lagi perniagaan dari semasa ke semasa.

"Dengan memanfaatkan kelulusan akademik dari UiTM, saya akan terus membina empayar perniagaan untuk menjadi usahawan wanita yang cukup berjaya suatu masa nanti," ujarnya.

Sebelum di kedai sekarang, Rizmaliza mengambil upah menjahit pakaian seragam pasukan seni mempertahankan diri.

Setelah memiliki sedikit modal, dia membuka kedai jahit di Bandar Baru Nilai sejak tahun 2001.

"Dengan modal kira-kira RM10,000 kedai itu berjaya beroperasi dengan baik sambil dibantu oleh dua orang pekerja tetap.

"Selepas itu, saya menggunakan modal kira-kira RM20,000 untuk membuka kedai sekarang yang beroperasi mulai tahun 2003," jelasnya.

Selain mempunyai dua pekerja tetap di kedai itu, beliau mempunyai dua lagi pekerja yang menyiapkan tempahan pelanggan di rumah pekerja berkenaan sendiri.

Rizmaliza yang memiliki semangat tidak kenal jemu, kini menyusun rangka kerja untuk membuka kelas jahitan bagi melatih lebih ramai anak muda dalam perniagaan berkenaan.

Selain kelas jahitan, dia akan turut mengoperasikan kelas kecantikan diri, kelas mengandam dan kelas fesyen.



KEDAI jahit Luvfiaris Creations turut menjadi tumpuan ibu untuk menjahit pakaian kanak-kanak.



RIZMALIZA Papon (kanan) menunjukkan sejenis kain kepada seorang pelanggan.



RIZMALIZA Papon (kiri) menunjukkan pakaian tempahan pelanggan.

